



**SOALAN – SOALAN LAZIM (FAQ)  
LANJUTAN PROGRAM INSENTIF SIP GIG  
PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)  
No. 2 / 2022**

### 1. Apakah Program SIP Gig?

- SIP GIG merupakan insentif kewangan berjumlah RM600 sehingga RM800 sebulan bagi tempoh maksimum 6 bulan bagi pekerja gig yang baharu di bawah Bajet 2022.
- Insentif ini memberi fokus kepada individu yang diberikan notis cuti tanpa gaji, diberhentikan kerja, penganggur lebih daripada 60 hari, pencari kerja daripada golongan terjejas dan suri rumah yang tidak bekerja lebih daripada enam (6) bulan yang terlibat dalam pekerjaan yang tidak terikat dengan waktu bekerja menggunakan Platform Digital berdaftar di bawah PERKESO.

### 2. Apakah objektif Program SIP Gig?

- Memberi peluang kepada individu yang menganggur atau tidak bekerja untuk melaksanakan pekerjaan secara jangka masa yang pendek.
- Menggalakkan pencari kerja atau individu menganggur mengambil peluang pekerjaan merentasi pekerjaan tidak formal atau kerjaya ekonomi gig melalui platform digital.

### 3. Bilakah tarikh permohonan Program SIP Gig bermula?

Permohonan Program SIP Gig dibuka mulai pada **17 Januari 2022** melalui **Aplikasi PERKESO Prihatin** atau layari **Sistem MATRIX di [matrix.perkeso.gov.my](http://matrix.perkeso.gov.my)**.

### 4. Siapakah yang **LAYAK** menerima insentif Program SIP Gig?

- Individu yang diberikan notis cuti tanpa gaji atau yang diberhentikan kerja.
- Pencari kerja daripada golongan terjejas seperti OKU, bekas banduan dan lain – lain.
- Individu / graduan yang menganggur melebihi 60 hari.
- Suri rumah yang tidak bekerja lebih daripada 6 bulan dan pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,208 selaras dengan had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) terkini.

*Nota: Semua pekerja untuk program ini mesti berumur 18-60 tahun pada tahun 2022 dan membuat pendaftaran mulai 1 Januari 2022 di platform digital yang berdaftar dengan PERKESO.*


## 5. Siapakah yang **TIDAK LAYAK** menerima Insentif Program SIP Gig?

- Individu yang aktif bekerja.
- Pelajar praktikal atau individu yang masih belum tamat pengajian.
- Individu yang telah menerima insentif di bawah Program KerjayaGig.
- Individu yang telah menerima insentif mobiliti di bawah Program Penjana Kerjaya atau Program Jamin Kerja tetapi telah berhenti kerja secara sukarela.
- Pekerja bebas (Freelance) yang tidak berdaftar dibawah mana-mana platform digital

## 6. Bolehkah individu yang mempunyai majikan membuat pekerjaan gig secara sambilan memohon untuk insentif Program SIP GIG?

Tidak, individu yang mempunyai pekerjaan yang tetap atau Contract of Service tidak layak untuk memohon insentif ini kecuali individu tersebut sedang menerima Cuti Tanpa Gaji.

## 7. Bagaimana Orang Bekerja Sendiri (OBS) boleh memohon Program SIP Gig?



## 8. Apakah syarat yang perlu dipatuhi oleh Orang Bekerja Sendiri (OBS) sepanjang menerima insentif Program SIP Gig?

- OBS perlu melakukan pekerjaan gig dibawah satu digital platform sahaja dan sebarang pertukaran platform digital selepas permohonan berjaya dihantar adalah tidak dibenarkan.
- Log Aktiviti pertama hendaklah dihantar pada 30 hari selepas tarikh pendaftaran permohonan SIPGIG. *Contohnya Aina membuat permohonan SIPGIG pada 1 Jun 2022. Log Aktiviti beliau hendaklah dihantar pada 1 Julai 2022.*
- Ruangan penghantaran log aktiviti akan di nyahaktif sekiranya OBS tidak menghantar log aktiviti dalam tempoh 60 hari dari tarikh ruangan log aktiviti diaktifkan.
- Menghantar Log Aktiviti seterusnya dengan pembuktian secara cetakan berkomputer yang mengandungi jumlah komisen berserta letterhead rasmi atau logo platform digital setiap bulan bagi tempoh 6 bulan.

## 9. Apakah yang perlu dilakukan oleh Orang Bekerja Sendiri sekiranya mereka ditawarkan pekerjaan sepenuh masa dalam tempoh menerima insentif ini?

- Individu yang ditawarkan pekerjaan sepenuh masa perlu melaporkan status pekerjaan mereka kepada PERKESO melalui aplikasi PRIHATIN PERKESO atau menerusi [matrix.perkeso.gov.my](http://matrix.perkeso.gov.my) dalam tempoh 48 jam bagi menamatkan pembayaran insentif seterusnya.
- Individu yang gagal melaporkan akan diarahkan untuk membayar semula jumlah bayaran yang telah diterima kepada PERKESO.

## 10. Apakah dokumen wajib yang diperlukan oleh Orang Bekerja Sendiri (OBS) untuk pengesahan di Aplikasi PERKESO?

- Salinan Kad Pengenalan
- Maklumat akaun bank individu bekerja sendiri (salinan muka hadapan penyata bank yang mengandungi nama pekerja, nombor akaun bank, kad pengenalan, dan nama bank).
- Senarai surat atau dokumen sokongan yang terpakai mengikut kategori kelayakan:

	Kategori	Dokumen
1	Pencarum PERKESO yang diberikan notis cuti tanpa gaji atau yang diberhentikan kerja.	Bukti yang dikeluarkan oleh majikan semasa atau terdahulu.
2	Pencari kerja dari golongan terjejas yang berdaftar dibawah agensi dibawah kerajaan.	Bukti pengesahan yang dikeluarkan oleh agensi yang didaftarkan oleh kerajaan (Contoh: Kad OKU daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat)
3	Pencari kerja dari golongan rentan (Tidak berdaftar dibawah agensi dibawah kerajaan)	Borang Pengesahan Pendapatan dan Tanggungan Isi Rumah yang disahkan oleh Penghulu/ Ketua Kampung/ Pengerusi JKKK setempat berdasarkan kawasan tempat tinggal OBS atau Pegawai Kerajaan Gred A (Gred 41 dan ke atas).
4	Suri rumah yang tidak bekerja sekurang-kurangnya 6 bulan (Pendapatan isi rumah kurang RM2,208 selaras dengan had Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK))	
5.	Graduan yang menganggur melebihi 60 hari.	Surat Tamat Belajar yang telah disahkan oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT)

*Nota: Termasuk mana-mana dokumen lain yang perlu dikemukakan oleh pegawai PERKESO sekiranya diminta.*

## 11. Bagaimanakah pembayaran insentif di bawah Program SIP Gig dilaksanakan?

- Bayaran akan dikreditkan ke akaun Orang Bekerja Sendiri (OBS) dalam tempoh 30 hari daripada tarikh log aktiviti diluluskan.
- OBS hendaklah memastikan akaun bank berstatus aktif dan milik persendirian (akaun bank milik bersama tidak boleh digunakan)
- Semakan Log Aktiviti akan mengikut cara pengiraan yang telah dipilih oleh Orang Bekerja Sendiri (OBS) semasa membuat permohonan di Aplikasi PERKESO Prihatin atau di Sistem MATRIX.

Kaedah Pembayaran	Kadar Komisen	Jumlah Bayaran
Selepas OBS menghantar Log Aktiviti (selama 6 bulan)	RM1,200 atau 40 jam seminggu	RM 600
	RM 2,500 keatas atau lebih daripada 60 jam seminggu	RM800 (Tambahan RM200)

*Nota: Komisen yang diterima hendaklah diterima dalam bentuk wang tunai. Sekiranya komisen diterima dalam bentuk point, point tersebut boleh ditukarkan dalam bentuk wang tunai.*

## 12. Apakah tindakan yang perlu dilakukan oleh Orang Bekerja Sendiri (OBS) sekiranya status pembayaran berstatus "FINANCE QUERY"?

Orang Bekerja Sendiri (OBS) perlu muat naik salinan penyata bank yang terkini bagi tujuan pembayaran di <https://eaduansip.perkeso.gov.my> dengan memilih kategori isu status pembayaran.

## 13. Bilakah tarikh akhir bagi permohonan insentif Program SIP Gig?

Tarikh akhir bagi permohonan insentif Program SIP Gig adalah pada **31 Disember 2022**.

#### 14. Apakah yang akan dilaksanakan oleh PERKESO sekiranya permohonan mengandungi maklumat palsu/tidak tepat?

PERKESO boleh mengambil tindakan berkenaan:

- i. **Menolak permohonan atau menanggung dan memberhentikan bayaran** sekiranya OBS menghantar maklumat palsu atau tidak benar sewaktu permohonan dibuat atau semasa permohonan diproses, juga sekiranya OBS tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas;
- ii. **Menggantung permohonan dan kelulusan Log Aktiviti** yang sedang dalam proses siasatan untuk mengemukakan tuntutan yang disyaki palsu atau tidak benar.
- i. **Mengambil tindakan undang-undang untuk menuntut semula bayaran** yang telah dibayar kepada OBS sekiranya pembayaran tersebut dibuat berdasarkan kepada maklumat yang palsu atau tidak benar yang telah diberikan kepada PERKESO oleh mana-mana pihak, atau OBS didapati tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan selepas penerimaan bayaran bagi program insentif tersebut.

#### 15. Bagaimana untuk mendapatkan maklumat lanjut berkenaan insentif Program SIP Gig?

Kunjungi [www.perkeso.gov.my](http://www.perkeso.gov.my) atau [www.myfuturejobs.gov.my](http://www.myfuturejobs.gov.my) Individu yang berminat boleh juga menghubungi talian perkhidmatan khas kami di 03-80915300 / 1-300-22-8000 atau sekiranya terdapat sebarang aduan anda boleh mengemukakan aduan tersebut di <https://eaduansip.perkeso.gov.my> .